

## Tayar Pancit

Membaiki tayar pancit atau menanggalkan sebiji tayar memerlukan peralatan khas dan kepakaran teknikal. Kami mengesyorkan anda agar memastikan wakil pendedar sah anda melakukan servis sebegini.

Selepas melakukan baik pulih kecemasan, pastikan tayar diperiksa/ditukar oleh wakil pendedar sah anda.

### **Pembaikan Kecemasan Menggunakan Kit Pembaikan Tayar**

---

Jika tayar anda mengalami kebocoran kecil, anda boleh melakukan pembaikan kecemasan menggunakan kit pembaikan tayar tanpa tiub.

Sila ikuti arahan yang diberikan bersama kit pembaikan tayar kecemasan.

Menunggang skuter dengan tayar gantian sementara adalah sangat berisiko tinggi. Jangan melebihi 50 km/j (30 bsj). Tayar hendaklah digantikan oleh wakil pendedar sah anda secepat mungkin.

### **⚠️ AMARAN**

Menunggang skuter dengan tayar gantian sementara adalah berisiko tinggi. Jika tayar sementara itu gagal berfungsi anda mungkin mengalami kecederaan serius atau terbunuh dalam kemalangan.

Jikalau anda terpaksa menunggang dengan tayar sementara, sila pastikan menunggang dengan cermat tanpa melebihi 50 km/j (30 bsj) hingga tayar tersebut ditukarkan.